



# PEROLEHAN BEKALAN DAN PENYENGGARAAN JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN DAERAH MERSING



## OBJEKTIF PENGAUDITAN

Untuk menentukan sama ada Perolehan bekalan dan penyenggaraan dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi peraturan kewangan serta pekeliling yang berkuat kuasa.



JUMLAH  
SEMAKAN


RM0.94 juta

## APA SEPATUTNYA

-  Perolehan dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan
-  Jabatan dilarang memecah kecilkan kerja
-  Bayaran kerja perlu dibuat mengikut pelaksanaan kerja sebenar

## APA YANG BERLAKU

- RM44,873**  
» Perolehan penyenggaraan kenderaan, bot jabatan dan penyaman udara tidak teratur
- RM125,142**  
» Kerja penyenggaraan kuarters dipecah kecil
- RM11,344**  
» Bayaran telah dibuat terhadap kerja yang tidak dibekalkan



**BAYARAN TIDAK  
TERATUR  
RM44,873**



**KERUGIAN  
RM11,344**

**5**

**SYOR  
AUDIT**

## RUMUSAN

Pemantauan dan penyenggaraan rekod yang lemah menyebabkan peraturan kewangan tidak dipatuhi





# JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN DAERAH MERSING

## 3. PEROLEHAN BEKALAN DAN PENYENGGARAAN

### FAKTA UTAMA

Kod Objek	Peruntukan	Jenis Perbelanjaan
- 26000 Bekalan bahan mentah dan bahan untuk penyenggaraan dan pembaikan	2020 – RM2.12 juta 2021 – RM2.72 juta	- Bekalan alatan dan barang-barang untuk sub stor, bahan cetakan dan alat tulis pejabat
- 27000 Bekalan dan bahan lain	<b>Perbelanjaan</b> 2020 – RM2.12 juta 2021 – RM2.72 juta	- Bekalan alat ganti kelengkapan pejabat, perabot danengkapan pejabat
- 28000 Penyenggaraan dan pembaikan yang dibeli		- Bekalan alat ganti mesin rumput, bot, kenderaan dan jentera - Penyenggaraan kuarters, komputer, penyaman udara, kenderaan, bot dan jentera

### 1. LATAR BELAKANG

1.1. Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Mersing (JPS Mersing) diketuai oleh Jurutera Daerah dan dibantu oleh seramai 68 kakitangan terbahagi kepada dua seksyen utama iaitu Seksyen Pembangunan dan Operasi serta Seksyen Pentadbiran dan Perkhidmatan. Jurutera Daerah diberi kuasa bagi meluluskan perolehan pembelian terus sehingga RM20,000 setahun, perolehan secara lantikan terus bagi kerja yang tidak melebihi RM20,000 dan sebut harga B bagi perolehan melebihi RM20,000 hingga RM50,000 setahun.

1.2. Pada tahun 2020 dan 2021, JPS Mersing telah memperuntukkan dan membelanjakan sejumlah RM337,000 untuk kod Objek Sebagai (OS) 26000 dan RM4.47 juta untuk OS 28000. Manakala bagi OS 27000, JPS Mersing telah memperuntukkan sejumlah RM34,100 dan telah membelanjakan sejumlah RM34,041. Butiran lengkap peruntukan dan perbelanjaan seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2020 DAN 2021**

KOD OS	PERIHAL	2020		2021	
		PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)
26000	Bekalan bahan mentah dan bahan untuk penyenggaraan dan pembaikan	137,500	137,500	199,500	199,500
27000	Bekalan dan bahan lain	13,600	13,543	20,500	20,498
28000	Penyenggaraan dan pembaikan yang dibeli	1,970,000	1,970,000	2,500,000	2,499,675
<b>JUMLAH</b>		<b>2,121,100</b>	<b>2,121,043</b>	<b>2,720,000</b>	<b>2,719,673</b>

Sumber: Laporan Peruntukan dan Perbelanjaan JPS Mersing

1.3. Bagi tahun 2020 dan 2021, JPS Mersing telah membelanjakan sejumlah RM4.84 juta bagi 184 perolehan secara pembelian terus, 31 perolehan kerja secara lantikan terus dan 92 perolehan secara sebut harga seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**  
**JENIS PEROLEHAN BAGI OS 26000, 27000 DAN 28000 BAGI TAHUN 2020 DAN 2021**

PERIHAL	2020		2021		JUMLAH KESELURUHAN	
	BIL.	JUMLAH (RM)	BIL.	JUMLAH (RM)	BIL.	JUMLAH (RM)
Pembelian Terus - Bekalan	100	196,772	84	336,131	184	532,903
Lantikan Terus - Kerja	15	256,346	16	296,310	31	552,656
Sebut Harga B	45	1,667,925	47	2,087,232	92	3,755,157
<b>JUMLAH</b>	<b>160</b>	<b>2,121,043</b>	<b>147</b>	<b>2,719,673</b>	<b>307</b>	<b>4,840,716</b>

Sumber: Laporan Perbelanjaan JPS Mersing

## 2. OBJEKTIF AUDIT

Pengauditan dilaksanakan bagi menentukan sama ada perolehan bekalan dan penyenggaraan dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi peraturan kewangan serta pekeliling yang berkuat kuasa.

## 3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan pematuhan telah dijalankan terhadap perolehan bekalan alat ganti, penyenggaraan kenderaan, penyaman udara dan penyenggaraan kuarters bagi tahun 2020 dan 2021. Bagi semakan dokumen, sebanyak 160 sampel baucar bayaran berjumlah RM0.94 juta telah dipilih seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**  
**SENARAI SAMPEL PEROLEHAN**

PERIHAL	2020		2021		JUMLAH KESELURUHAN	
	BIL.	JUMLAH (RM)	BIL.	JUMLAH (RM)	BIL.	JUMLAH (RM)
Pembelian Terus - Bekalan	81	196,514	64	202,485	145	398,999
Lantikan Terus - Kerja	0	0	5	99,130	5	99,130
Sebut Harga B	6	243,228	4	199,288	10	442,516
<b>JUMLAH</b>	<b>87</b>	<b>439,742</b>	<b>73</b>	<b>500,903</b>	<b>160</b>	<b>940,645</b>

Sumber: JPS Mersing dan Jabatan Audit Negara

3.2. Pengauditan dilaksanakan dengan menyemak dokumen kewangan, *bill of quantity*, baucar bayaran, fail penyenggaraan kenderaan/penyaman udara/kuarters, minit mesyuarat dan fail berkaitan. Maklumat juga diperoleh daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia bagi mendapatkan maklumat berkaitan syarikat. Lawatan fizikal telah dilaksanakan bersama dengan pegawai JPS Mersing ke stor unit dan kuarters kakitangan yang dipilih. Temu bual dengan pegawai yang terlibat juga turut dijalankan untuk mengesahkan maklumat yang diperoleh.

#### 4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan antara bulan Disember 2021 hingga Januari 2022. Penemuan Audit telah dibangkitkan kepada JPS Mersing pada 15 Februari 2022 dan maklum balas mengenainya telah diterima pada 5 dan 28 April 2022. Mesyuarat Penutup telah diadakan pada 24 April 2022. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit adalah seperti di perenggan berikut:

##### 4.1. Perolehan Penyenggaraan Kenderaan dan Bot Jabatan Berjumlah RM27,090 Tidak Teratur

4.1.1. Pekeliling Perbendaharaan WP 4.1 Lampiran E Perenggan 2.2.3. menyatakan bagi jabatan yang tidak mempunyai kemudahan woksyp, kenderaan hendaklah disenggarakan dan dibaiki di woksyp Jabatan Kerja Raya atau woksyp swasta. Pekeliling Perbendaharaan PK 2.1 Perenggan 16 (iv) menyatakan bagi jabatan yang tidak mempunyai kemudahan limbungan, bot jabatan hendaklah disenggarakan dan dibaiki di limbungan swasta yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan.

4.1.2. Semakan Audit mendapati 13 perolehan penyenggaraan kenderaan dan bot JPS Mersing berjumlah RM27,090 dibuat di lima pembekal/syarikat yang **tidak dikategorikan sebagai woksyp kenderaan atau limbungan swasta yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan**. Semakan Audit selanjutnya terhadap sijil pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia mendapati **pembekal/syarikat berdaftar sebagai pembekal peralatan pejabat, kerja-kerja awam, bekalan alat ganti kenderaan, penyediaan makanan dan minuman di mana tidak berkaitan dengan penyenggaraan kenderaan**. Butiran seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4**  
**PENYENGGARAAN KENDERAAN DAN BOT TIDAK DILAKSANAKAN**  
**DI WOKSYOP DAN LIMBUNGAN SWASTA**

BIL.	NO./TARIKH BAUCAR	PERIHAL	KOS (RM)	JENIS PERNIAGAAN	ALAMAT DI INVOIS
<b>SYARIKAT JM0721211-A</b>					
1.	20FPBB0400240/ 18.10.2020	Alat ganti dan pembaikan kenderaan jabatan	5,361	Menjual dan membekal makanan dan minuman, alat tulis, perabot, pakaian, komputer, mencuci dan membersihkan pakaian, bangunan dan kawasan, khidmat katering, kontraktor binaan pengurusan majlis dan dobi	No. 25A, Jalan Rawa, Taman Perling, Johor Bahru (terletak di tingkat atas kedai seperti di <b>Gambar 1</b> )
2.	20FPBB0400299/ 26.11.2020	<i>Wheel balancing, alignment</i> , penyenggaraan kenderaan, <i>chamber adjust, gasket oil drain</i> (KEW.PA-9 - major servis)	1,784		
3.	20FPBB0400184/ 15.09.2020	Penyenggaraan kenderaan (tiada butiran lengkap penyenggaraan) Di borang aduan kerosakan (servis berkala)	1,450		
<b>SYARIKAT JM0354771-X</b>					
4.	21FPBB0400238/ 21.09.2021	Membekal alat ganti bot utama JPS Mersing	1,858	Kerja kejuruteraan awam, kerja pembinaan jalan, ladang, tar, <i>kerb</i> , kerja pembersihan sungai, hutan, pantai, terusan, tasik, kerja pembinaan jambatan, bangunan, struktur perkakas/sistem elektrik, pembersihan bangunan/pejabat, kawasan, mengangkat sampah (lori bawah 3 tan), bangunan/hiasan dalaman, hiasan jalan/kawasan dan membekal air minuman	No. 35 Jalan Layang 14, Taman Perling, Johor Bahru (rumah kediaman seperti di <b>Gambar 2</b> )
5.	21FPBB0400240/ 21.09.2021	Membekal alat ganti tayar dan alat ganti lain kenderaan jabatan Hilux	4,993		
6.	21FPBB0400250/ 26.09.2021	Bayaran bagi membekal GPS bot utama dan Bot sungai JPS Mersing	1,097		
7.	21FPBB0400252/ 26.09.2021	Bayaran bagi membekal alat ganti <i>windscreen</i> kenderaan jabatan Toyota Fortuner akibat keretakan cermin hadapan	2,274		
<b>SYARIKAT 178121-M</b>					
8.	20FPBB0400253/ 26.10.2020	<i>alignment, balancing, adjust chamber, patching</i>	191	Membekal alat ganti kenderaan	No. 401, Jalan Jemaluang, Mersing (kedai alat ganti kenderaan seperti di <b>Gambar 3</b> )
9.	20FPBB0400262/ 05.11.2020	<i>alignment, balancing, adjust chamber</i>	171		
<b>SYARIKAT JM0748628-K</b>					
10.	21FPBB0400277/ 17.10.2021	Tayar Continental 205/55 R16 V, cermin <i>full tinted</i> , caj buruh	6,433	Makanan bermasakan, perkakas elektrik, membersihkan kawasan pantai/sungai/terusan/empangan/tasik, angkat sampah, pameran pertunjukan, taman hiburan dan karnival, bangunan/pejabat/stor/ruang niaga/rumah kediaman, pertanian/tanaman/ ladang/ taman/hutan dan ladang hutan, peralatan marin, rawatan hutan, pakaian dan peralatan sukan, perniagaan atas talian dan aksesori, ejen tiket, kontraktor binaan dan peralatan pejabat	No. 55, Jalan Air Merah 1, Taman Air Merah, Mersing (rumah kediaman seperti di <b>Gambar 4</b> )
11.	21FPBB0400222/ 02.09.2021	Membekal alat ganti bot utama	537		
<b>SYARIKAT JM0647851-U</b>					
12.	21FPBB0400133/ 17.06.2021	Penyenggaraan kenderaan	495	Makanan ringan/beku, kecantikan dan andaman, barangan keperluan harian,	No. 22 Gerai Setara, Jalan

BIL.	NO./TARIKH BAUCAR	PERIHAL	KOS (RM)	JENIS PERNIAGAAN	ALAMAT DI INVOIS
13.	21FPBB0400157/ 06.07.2021	Engine oil, oil filter, workmanship charges, alat ganti kenderaan	446	jahitan, perkhidmatan dobi dan cuci kenderaan, kanopi dan catering, fotografi, aksesori lampu, pembersihan dan hiasan bangunan dan pejabat, baik pulih kasut, barangan kulit, papan tanda, perkakas elektrik, bahan bungkusan, peralatan makmal, pertanian, ternakan akuatik, bahan binaan paip, peralatan keselamatan, alat ganti kenderaan dan jentera, penyewaan dan pengurusan, bot tunda, penyenggaraan kenderaan bawah 3 tan, baik pulih enjin, bahan pelincir, baja dan racun, kabel wayar elektrik, alatan perkhemahan, bekal cat kimia, makmal haiwan dan akuatik, pembaikan mesin, peralatan, perabot dan bangunan	Mohd Aris, Mersing (gerai makan seperti di <b>Gambar 5</b> )
JUMLAH			27,090		

Sumber: Baucar Bayaran JPS Mersing, Rekod Perniagaan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Lawatan Fizikal Jabatan Audit Negara

4.1.3. Lawatan fizikal Audit pada 29 Disember 2021 dan 13 Januari 2022 berdasarkan alamat yang tertera di invois mendapati premis pembekal/syarikat terletak di aras 1 rumah kedai, kedai alat ganti kenderaan, rumah kediaman dan kedai makan seperti di **Gambar 1** hingga **Gambar 5**.

**GAMBAR 1**




No. 25A, Jalan Rawa, Taman Perling, Johor Bahru  
- Lokasi Syarikat JM0721211-A Seperti Alamat yang Tertera di Invois (29.12.2021)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 2**



No. 35, Jalan Layang 14, Taman Perling, Johor Bahru  
- Lokasi Syarikat JM0354771-X Seperti Alamat yang Tertera di Invois (29.12.2021)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 3**



No. 401, Jalan Jemaluang, Mersing  
- Lokasi Syarikat 178121-M Seperti Alamat yang Tertera di Invois (13.01.2022)  
(Sumber: google.com.my/maps)

**GAMBAR 4**



No. 55, Jalan Air Merah 1, Taman Air Merah, Mersing  
- Lokasi Syarikat JM0748628-K Seperti Alamat yang Tertera di Invois (13.01.2022)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)



**GAMBAR 5**

No. 22, Gerai Setara, Jalan Mohd Aris, Mersing  
 - Lokasi Syarikat JM0647851-U Seperti Alamat yang  
 Tertera di Invois  
 (13.01.2022)  
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

4.1.4. Semakan Audit selanjutnya terhadap perolehan penyenggaraan kenderaan berjumlah RM27,090 **mendapati berlakunya ketirisan pembayaran berjumlah RM14,529** seperti berikut:

- a. **empat perolehan penyenggaraan kenderaan berjumlah RM4,175 tidak dapat ditentukan munasabah daripada segi kos dan masa** kerana buku log (jadual penyenggaraan item alat ganti) tidak lengkap dan penyenggaraan tidak mengikut manual pengguna;
- b. **penyenggaraan telah dilaksanakan dalam tempoh antara 31 hingga 62 hari dan bacaan odometer/pergerakan perjalanan kurang daripada 5,000 kilometer** daripada penyenggaraan terdahulu seperti dalam **Jadual 5**; dan

**JADUAL 5  
 PENYENGGARAAN KENDERAAN TIDAK MUNASABAH**

BIL.	PENYENGGARAAN TERDAHULU				PENYENGGARAAN SEMASA YANG TIDAK MUNASABAH				TEMPOH SENGARA (HARI)
	NO./TARIKH BAUCAR	PERIHAL	LOKASI PEMBEKAL	KOS (RM)	NO./TARIKH BAUCAR	PERIHAL	LOKASI PEMBEKAL	KOS (RM)	
<b>PENYENGGARAAN LAND CRUISER</b>									
1.	<b>SYARIKAT 178121-M</b>				<b>SYARIKAT JM0721211-A</b>				31
	20FPBB0400253 26.10.2020	<i>Alignment, adjust chamber, wheel bearing in &amp; out, oil seal, frt Axle Nut Kit, frt spindler, king pin bearing, 4x4 free hub, c.v joint, king pin seal kit (full), A32 circlip</i>	- Daerah Mersing - Kedai alat ganti kenderaan	1,487	20FPBB0400299 26.11.2020	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Wheel balancing, alignment, penyenggaraan kenderaan, chamber adjust, gasket oil drain</i></li> <li>• <i>Di borang aduan kerosakan - major servis</i></li> </ul>	- Daerah Johor Bahru - Rumah kediaman	1,784	
<b>PENYENGGARAAN TOYOTA HILUX JRD 5904</b>									
2.	<b>Syarikat JM0161995-D</b>				<b>Syarikat JM0647851-U</b>				43
	21FPBB0400097 05.05.2021	<i>Engine oil, oil filter, disk brakepads, workmanship charges for service engine &amp; disk brakes pads</i>	- Daerah Mersing - Woksyop kenderaan	495	21FPBB0400133 17.06.2021	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Tiada butiran lengkap penyenggaraan di invois</i></li> <li>• <i>Di borang aduan kerosakan - servis berkala</i></li> </ul>	- Daerah Mersing - Gerai makan	495	

BIL.	PENYENGGARAAN TERDAHULU				PENYENGGARAAN SEMASA YANG TIDAK MUNASABAH				TEMPOH SENGARA (HARI)
	NO./TARIKH BAUCAR	PERIHAL	LOKASI PEMBEKAL	KOS (RM)	NO./TARIKH BAUCAR	PERIHAL	LOKASI PEMBEKAL	KOS (RM)	
PENYENGGARAAN NISSAN XTRAIL JLA 535									
3.	SYARIKAT 178121-M				SYARIKAT JM0721211-A				-41
	20FPBB0400253 26.10.2020	Rear bonnet absorber, oil filter, 4l Castrol magnatec 10w40. Ns matic-d auto oil, pure guard power steering fluid, ilt dot4 tcl-Japan, air filter, spark plug wiper blade, alignment, balancing	- Daerah Mersing - Kedai alat ganti kenderaan	1,042	20FPBB0400184 15.09.2020	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tiada butiran lengkap penyenggaraan di invois</li> <li>Di borang aduan kerosakan - servis berkala</li> </ul>	-Daerah Johor Bahru -Rumah kediaman	1,450	
4.	SYARIKAT JM0161995-D				SYARIKAT JM0647851-U				62
	21FPBB0400097 05.05.2021	Towing, wiring, scan engine, engine oil, oil filter, workmanship charges for service engine	- Daerah Mersing - Woksyp kenderaan	545	21FPBB0400157 06.07.2021	<ul style="list-style-type: none"> <li>Engine oil, oil filter, workmanship charges, alat ganti kenderaan</li> <li>Di borang aduan kerosakan - servis berkala</li> </ul>	-Daerah Mersing -Gerai makan	446	
JUMLAH				3,569	JUMLAH				4,175

Sumber: Baucar Bayaran dan Buku Log JPS Mersing

- c. **tiga perolehan penyenggaraan terhadap tiga kenderaan JPS Mersing berjumlah RM12,138 tidak dapat disahkan** kerana butiran penyenggaraan tidak direkodkan di daftar penyenggaraan harta modal. Selain itu, buku log juga tidak mencatatkan pergerakan ke tempat pembaikan dan tiada catatan di jadual penyenggaraan alat ganti. Butiran penyenggaraan kenderaan yang tidak direkodkan adalah seperti dalam **Jadual 6**.

**JADUAL 6**  
**PENYENGGARAAN KENDERAAN TIADA KELULUSAN KETUA JABATAN DAN TIDAK DIREKODKAN**

BIL.	NO./TARIKH BAUCAR	PERIHAL	KOS (RM)
1.	20FPBB0400240/ 18.10.2020	Alat ganti kenderaan, brake pad cover, hub oil seal front, service (lori)	5,361
2.	20FPBB0400299/ 26.11.2020	Wheel balancing, alignment, penyenggaraan kenderaan, chamber adjust, gasket oil drain (KEW.PA 9- major servis) (Land Cruiser)	1,784
3.	21FPBB0400240/ 21.09.2021	Tayar, karpit getah alas kaki, alignment, minyak silinder, cermin windscreen replacement, tinted (Hilux)	4,993
JUMLAH			12,138

Sumber: Baucar Bayaran, Rekod Aset dan Buku Log JPS Mersing

### **Maklum Balas JPS Mersing pada 28 April 2022**

JPS Mersing mengalami kesukaran apabila beberapa syarikat woksyp swasta di Mersing tidak memberi kerjasama kerana pembayaran menggunakan kaedah Pesanan Kerajaan. Untuk tindakan penambahbaikan, jabatan akan merujuk kepada Jabatan Kerja Raya

Daerah Mersing bagi mengenal pasti syarikat woksyp tempatan yang menerima pembayaran menggunakan Pesanan Kerajaan. JPS Mersing menyatakan penyenggaraan yang dibuat dalam tempoh kurang dua bulan dan kurang 5,000 kilometer bukanlah penyenggaraan berkala tetapi disebabkan berlaku kerosakan yang berbeza pada setiap penyenggaraan yang dibuat. Untuk tindakan penambahbaikan, jabatan akan memastikan pengisian buku log atau dokumen berkaitan direkodkan secara terperinci setiap kali penyenggaraan dilaksanakan.

**Pernyataan Audit** | Perolehan penyenggaraan kenderaan dan bot Jabatan melanggar peraturan yang ditetapkan. Perolehan yang tidak munasabah dan tidak dapat disahkan kewujudannya mengakibatkan kerugian kepada Kerajaan.

#### 4.2. Penyenggaraan Penyaman Udara Berjumlah RM17,783 Tidak Dapat Disahkan

4.2.1. Pekeliling Perbendaharaan AM 2.4 Perenggan 4 menyatakan penyenggaraan dan pembaikan aset alih hendaklah mendapat kelulusan Ketua Jabatan sebelum penyenggaraan dilaksanakan (KEW.PA-10). Pekeliling Perbendaharaan AM 2.5 Perenggan 4.5 menjelaskan setiap penyenggaraan yang dilaksanakan ke atas Aset Alih hendaklah direkodkan dalam Rekod Penyenggaraan Aset Alih (KEW.PA-15).

4.2.2. Semakan Audit mendapati tujuh perolehan penyenggaraan penyaman udara yang dilaksanakan pada tahun 2020 dan 2021 berjumlah **RM17,783 tidak dapat disahkan kewujudannya kerana tiada rekod di KEW.PA-10 dan KEW.PA-15**. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 7**.

**JADUAL 7**  
**PENYENGGARAAN PENYAMAN UDARA TIDAK DIREKODKAN**  
**BAGI TAHUN 2020 DAN 2021**

BIL.	SYARIKAT	NO./TARIKH BAUCAR	PERIHAL	KOS (RM)	KEW. PA-		BIL. PENYAMAN UDARA DISENGGARA BERDASARKAN INVOIS/BIL
					10	15	
<b>2020</b>							
1.	JM0666851W	20FPBB0400081/ 12.05.2020	Penyenggaraan penyaman udara	5,400.00	x	x	36
2.		20FPBB0400153/ 29.07.2020	Penyenggaraan penyaman udara	840.00	x	x	3
3.		20FPBB0400220/ 07.10.2020	Penyenggaraan penyaman udara	250.00	x	x	1
<b>JUMLAH</b>				<b>6,490.00</b>			<b>40</b>
<b>2021</b>							
4.	JM0666851W	21FPBB0400132/ 17.06.2021	Penyenggaraan penyaman udara di sub stor JPS Mersing	1,500.00	x	x	5
5.		21FPBB0400005/ 10.02.2021	Penyenggaraan penyaman udara (ibu pejabat)	2,040.00	x	x	12

BIL.	SYARIKAT	NO./TARIKH BAUCAR	PERIHAL	KOS (RM)	KEW. PA-		BIL. PENYAMAN UDARA DISENGGARA BERDASARKAN INVOIS/BIL
					10	15	
6.		21FPBB0400135/ 17.06.2021	Penyenggaraan penyaman udara di pejabat dan sub stor JPS Mersing	2,760.00	x	x	18
7.	JM0354771-X	21FPBB0400239/ 21.09.2021	Penyenggaraan penyaman udara di pejabat utama dan sub stor JPS Mersing	4,993.00	x	x	23
JUMLAH				11,293.00			58
JUMLAH KESELURUHAN				17,783.00			

Sumber: Baucar Bayaran dan Rekod Aset JPS Mersing

#### 4.2.3. Pihak Audit juga tidak dapat menentukan dan mengenal pasti penyaman udara yang disenggarakan kerana:

- Daftar Aset Alih tidak disenggarakan dengan lengkap dan kemas kini;
- lawatan fizikal Audit pada 11 dan 12 Januari 2022 mendapati sebanyak 17 penyaman udara tidak berada di lokasi yang direkodkan di Daftar Harta Modal (KEW.PA-2) dan tidak dapat dikesan; dan
- lima penyaman udara mempunyai nombor pendaftaran sama tetapi lokasi dan jenama berbeza seperti yang direkodkan di Daftar Harta Modal (KEW.PA-2). Butiran lengkap seperti dalam **Jadual 8**. Pihak Audit juga mendapati JPS Mersing telah meletakkan nombor pendaftaran penyaman udara yang lama kepada penyaman udara yang baru seperti di **Gambar 6**.


**JADUAL 8**  
**PENEMUAN AUDIT TERHADAP LAWATAN FIZIKAL**  
**YANG DILAKSANAKAN PADA PENYAMAN UDARA**

BIL.	PENEMUAN AUDT	BIL. PENYAMAN UDARA
1.	Nombor Pendaftaran di KEW PA-2 dan fizikal sama	8
2.	Nombor pendaftaran sama tetapi lokasi dan jenama berbeza	5
3.	Aset ada nombor siri tapi tiada KEW.PA-2	10
4.	Tiada KEW.PA-2	12
JUMLAH FIZIKAL PENYAMAN UDARA		35
5.	Fizikal tiada (semakan berdasarkan lokasi yang dicatatkan di daftar KEW. PA-2)	17

Sumber: Rekod Aset JPS Mersing dan Lawatan Fizikal Jabatan Audit Negara


Nota: JPS Mersing menggunakan borang KEW.PA yang lama

**GAMBAR 6**  
**MEMPUNYAI NOMBOR SIRI SAMA TETAPI JENAMA DAN LOKASI BERBEZA**



- Daftar Penyaman Udara Bagi No.siri JPS/MG/H/AC/1994/3 Mencatatkan Jenama YORK YCE dan Lokasi di Ruang Tamu (12.01.2022)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)



- Pejabat JPS Mersing, Jalan Ibrahim, Mersing - Penyaman Udara Bagi No. Siri JPS/MG/H/AC/1994/3 Berjenama Acson Berada di Bilik Kosong (12.01.2022)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

### Maklum Balas JPS Mersing pada 28 April 2022

JPS Mersing mengakui terdapat kelemahan dalam pengisian borang KEW.PA-10 dan KEW.PA-15 bagi penyenggaraan penyaman udara. Perkara ini berlaku disebabkan pegawai aset merupakan pegawai lantikan baru dan belum menghadiri kursus berkaitan. Untuk tindakan penambahbaikan borang yang berkaitan akan diisi dengan lengkap pada masa akan datang.

**Pernyataan Audit** Kerja penyenggaraan penyaman udara yang dilaksanakan meragukan kerana tiada sebarang rekod yang dapat mengesahkan penyenggaraan tersebut dilaksanakan. Selain itu, semakan silang juga tidak dapat dilaksanakan kerana dokumen yang berkaitan tidak disenggara.

#### 4.3. Perolehan Penyenggaraan Kuarters Dipecah Kecil

4.3.1. Surat Pelantikan sebagai Ahli Jawatankuasa Perolehan bagi JPS Mersing Ruj: (58) dlm.JPSJ.613/7 Jld.6 bertarikh 20 Ogos 2019 dan Surat Permohonan Pelantikan Jawatankuasa Sebut Harga bagi JPS Tahun 2021-2022 Ruj: (21) dlm.JPSJ.400-5/1/1 bertarikh 3 Januari 2021 menyatakan had kuasa bagi Jawatankuasa Sebut Harga B JPS Mersing adalah sehingga RM50,000. Perolehan sebut harga melebihi RM50,000 diluluskan di peringkat Jawatankuasa Sebut Harga A JPS Negeri Johor. Arahan Perbendaharaan 180.2 (c) menyatakan jabatan adalah dilarang memecahkecilkan nilai kerja bagi mengelakkan pelawaan sebut harga dan tender.

4.3.2. Semakan Audit mendapati JPS Mersing telah memecah kecil kerja penyenggaraan kuarters beralamat JKR No.192, Jalan Masjid berjumlah RM66,190 pada tahun 2020 dan RM58,952 pada tahun 2021. Perolehan kerja telah dipecah kecil secara lantikan terus dan sebut harga B peringkat JPS Mersing bagi mengelakkan perolehan diluluskan di peringkat Jawatankuasa Sebut

**Harga A JPS Negeri Johor.** Pihak Audit selanjutnya mendapati perolehan kerja yang dipecah kecil dilaksanakan dalam tempoh bulan yang berturutan iaitu bulan September dan Oktober bagi tahun 2020 dan 2021. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 9**.

**JADUAL 9**  
**PENYENGGARAAN KUARTERS DIPECAH KECIL BAGI MENGELAKKAN KELULUSAN**  
**DI PERINGKAT JAWATANKUASA SEBUT HARGA JPS NEGERI JOHOR**

BIL.	NO. SEBUT HARGA	NO./TARIKH/ JUMLAH BAUCAR	TARIKH INDEN	PERKARA	SYARIKAT	KOS (RM)
<b>TAHUN 2020</b>						
1.	JPSJ/MG/M N/2020/LT/34	20FPBB0400309 06.12.2020 RM20,000	07.09.2020	Membaiki kerosakan kecil rumah kuarters JPS Mersing No.192, Jalan Masjid	JM0357271-U	10,200
2.	JPSJ/MG/M N/2020/09	20FPBB0400306 03.12.2020 RM49,587	21.10.2020	Perubahan kerja (tambahan): pembaikan pagar ( <b>Gambar 7</b> )	JM341081-T	6,000
3.	JPSJ/MG/M N/2020/08	20FPBB0400307 03.12.2020 RM49,990	25.10.2020	Bayaran kerja pembaikan kerosakan kecil kuarters JPS Mersing No.192, Jalan Masjid	JM0915731-X	49,990
<b>JUMLAH</b>						<b>66,190</b>
<b>TAHUN 2021</b>						
1.	JPSJ/MG/M N/2021/49	21FPBB0400375 13.12.2021 RM49,900	06.09.2021	Kerja pembaikan kecil kuarters JPS Mersing No.192, Jalan Masjid	JM0832947-W	49,900
2.	JPSJ/MG/M N/2021/84	21FPBB0400334 24.11.2021 RM49,977.80	04.10.2021	Kerja membina dan menyiapkan struktur bumbung dan lain-lain kerja berkaitan ( <b>Gambar 8</b> )	JM0329560-M	9,052
<b>JUMLAH</b>						<b>58,952</b>


Sumber: Baucar Bayaran JPS Mersing dan Lawatan Fizikal Jabatan Audit Negara

**GAMBAR 7**



No. 192, Jalan Masjid, Mersing  
 - Pembaikan Pagar (mengganti motor *auto gate*)  
 (Sumber: Baucar Bayaran JPS Mersing)

GAMBAR 8



No. 192, Jalan Masjid, Mersing

- Kerja Membina dan Menyiapkan Struktur Bumbung dan Lain-lain Kerja Berkaitan (membaiki bumbung garaj kereta)

(Sumber: Baucar Bayaran JPS Mersing)

### Maklum Balas JPS Mersing pada 28 April 2022

JPS Mersing menyatakan berlaku kerosakan kecemasan dan telah dibaiki secara berasingan kerana perlu diatasi segera. Kerja kecemasan tidak disekalikan dengan kerja penyenggaraan utama kerana tarikh kejadian dan skop kerja yang berbeza dengan penyenggaraan utama tersebut. Ibu pejabat telah bersetuju bagi menaikkan had kuasa Jawatankuasa Sebut Harga Peringkat Daerah dari RM50,000 ke RM500,000 dan permohonan telah dibuat kepada Pegawai Kewangan Negeri untuk kelulusan.

**Pernyataan Audit** | **Sebut harga yang dipecah kecil menyalahi peraturan perolehan dan menyebabkan Kerajaan tidak mendapat nilai terbaik daripada perolehan tersebut.**

#### 4.4. Pembayaran Penuh Dibuat Tanpa Tolakan Item Tidak Dibekal

4.4.1. Arahan Perbendaharaan 99 (d) menyatakan bayaran bagi perolehan kerja hendaklah dibuat mengikut kadar atau harga yang dinyatakan dalam kontrak. Pelaksanaan kerja hendaklah mengikut butiran kerja dan spesifikasi yang telah ditetapkan dalam dokumen sebut harga dan sebarang perubahan kerja/bekalan perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Pegawai Penguasa.

4.4.2. Semakan Audit mendapati sebanyak tiga kerja penyenggaraan membaiki kerosakan kecil dan penyenggaraan bangunan pejabat telah disiapkan tanpa mengikut spesifikasi seperti di *bill of quantity* (BQ) yang dilampirkan bersama Inden Kerja/Surat Setuju Terima. Semakan Audit juga mendapati **JPS Mersing mengalami kerugian kerana bayaran telah dijelaskan sepenuhnya tanpa tolakan item yang tidak dibekalkan**. Berdasarkan lawatan fizikal Audit pada 12 Januari 2022 dan semakan silang dengan BQ, kuantiti item yang **tidak dibekalkan berjumlah RM11,344**. Perkara ini berlaku kerana tiada pemantauan semasa kerja dilaksanakan dan pengesahan kerja tidak dibuat di lapangan sebelum bayaran dijelaskan. Butiran lengkap adalah seperti dalam **Jadual 10**.

**JADUAL 10**  
**KERJA TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI**

BIL.	NO/TARIKH/ JUMLAH BAUCAR	PERIHAL BAUCAR	SPESIFIKASI KERJA (BQ)		KUANTITI	HARGA	SEBENAR DIBEKAL	TIDAK DIBEKAL	
			BIL.	PERKARA				KUANTITI	KOS (RM)
1.	20FPBB0400280/ 16.11.2020 RM43,850	Kerja membaiki kerosakan kecil kuarters JPS Mersing kawasan Endau	5.3	Membekal dan memasang baru papan dinding jenis berlidah dan beralur yang diketam di kedua-dua belah muka tebal 12mm	30m <sup>2</sup>	30m <sup>2</sup> x RM150 = RM4,500	9.23m <sup>2</sup>	20.77m <sup>2</sup>	3,116
			5.4	Cat Permukaan dinding di luar dan dalam kuarters alas <i>undercoat</i> dan dua lapisan cat berasakan kayu <i>glossy finish</i> (nippon paint) <b>Gambar 9</b>	280m <sup>2</sup>	280m <sup>2</sup> x RM30 = RM8,400	18.46m <sup>2</sup>	261.54m <sup>2</sup>	7,846
<b>JUMLAH</b>									<b>10,962</b>
2.	21FPBB0400334/ 24.11.2021 RM49,977.8	Kerja menyenggara dan membaik pulihan Kuarters No. 133, Jalan Ahmad dan No. 107, Jalan Ungku Md Salleh, Mersing	25	Membekal dan memasang pintu pagar <i>sliding</i> 5000mm x 1200mm daripada jenis keluli dengan <i>railing</i> , tiang, <i>flat bar</i> , <i>angle bar</i> diikat dengan menggunakan skru dan <i>nut</i> untuk atas dan bawah di bahagian tembok pagar sedia ada dan aksesori <b>Gambar 10</b>	1	2,120	4100mm x 1200mm	900mm x 1200mm	382
<b>JUMLAH</b>									<b>382</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>									<b>11,344</b>

Sumber: Baucar Bayaran JPS Mersing dan Lawatan Fizikal Jabatan Audit Negara

**GAMBAR 9**



Kuarters Penolong Jurutera JPS Endau, Mersing  
- Ukuran Cat Permukaan Dinding di Luar dan Dalam  
Tidak Mencukupi  
(12.01.2022)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 10**



Kuarters No. 133, Jalan Ahmad, Mersing  
- Pintu Pagar *Sliding* Dipasang Tidak Mengikuti Ukuran  
Sebenar  
(12.01.2022)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**Maklum Balas JPS Mersing pada 28 April 2022**

JPS Mersing menyatakan kerja yang tidak dibekalkan/tidak mengikut spesifikasi telah diganti semula oleh kontraktor dengan kerja yang sepatutnya di lokasi asal dan sebahagiannya di lokasi berlainan. Kerja penggantian telah dilaksanakan pada bulan Mac 2022.

## Maklum Balas JPS Mersing pada 29 Oktober 2022

JPS Mersing menyatakan beban kerja pegawai yang menjaga setiap projek meningkat menyebabkan pemantauan projek menjadi kurang efisien. Antara punca beban kerja meningkat kerana perjawatan yang tidak diisi iaitu dari 68 perjawatan kakitangan hanya 50 yang diisi setakat 3 Oktober 2022.

**Pernyataan Audit** | **Penyenggaraan kuarters yang dilaksanakan tidak memuaskan kerana bayaran penuh tanpa tolakan telah dibuat walaupun terdapat spesifikasi kerja yang tidak dibekalkan berjumlah RM11,344.**

### 5. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop Audit, dapat dirumuskan perolehan bekalan dan penyenggaraan yang dilaksanakan oleh JPS Mersing adalah tidak memuaskan. Terdapat banyak kelemahan dalam pengurusan penyenggaraan rekod kewangan dan aset yang tidak mematuhi peraturan kewangan. Penyenggaraan rekod yang tidak lengkap dan kemas kini seperti buku log, KEW.PA-10 dan KEW.PA-15 menyukarkan semakan dibuat. Selain itu, bayaran penuh terhadap kerja yang tidak mengikut spesifikasi dan tidak dibekalkan menunjukkan kelemahan daripada segi pemantauan dan merugikan Kerajaan.

### 6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan peraturan kewangan dipatuhi sepenuhnya, tindakan penambahbaikan perlu diambil seperti berikut:

- 6.1. memastikan pegawai yang bertanggungjawab menghadiri kursus yang berkaitan seperti Kursus Pengurusan Aset dan Kewangan;
- 6.2. mewujudkan pengasingan tugas bagi memastikan *check and balance* dalam mengawal pengurusan kewangan dan stor;
- 6.3. memastikan pegawai yang bertanggungjawab sentiasa peka dengan perubahan pekeliling/arahan/peraturan dan mengguna pakai pekeliling/arahan/peraturan yang terkini;
- 6.4. daftar aset dan stok perlu disenggara dengan lengkap dan kemas kini apabila berlaku penerimaan, pelupusan, pembaikan dan penggantian; dan
- 6.5. memastikan pemantauan secara berterusan semasa kerja dilaksanakan dan pengesahan kerja dilakukan di lapangan sebelum pembayaran dijelaskan.